

KESAN KEMAHIRAN BERTUTUR DALAM BAHASA MALAYSIA SECARA KAEDAH PEMBELAJARAN INFORMAL DALAM KALANGAN PENUTUR ASING DEWASA: SATU PANDANGAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Punitha Vathi Muniandy

*Abdul Jalil B. Othman (PhD)

Sharir B. Jamaluddin (PhD)

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*jalil@um.edu.my

Abstract: Most non-native adult learners attending a Proficiency Malay language course were found lacking interest to learn the language which was hugely teacher-centered. They preferred to use the language learnt immediately and favoured active interaction with native speakers. This article discusses a study which examined the effectiveness of speaking skills using an informal learning approach among non-native adult learners via an action research method. Data were collected through interviews, feedback, observations and continuous assessments and triangulated. The research study involved 20 non-native adult learners in UMCCed from the period of January 2014 to December 2016. This study revealed that the informal learning approach in speaking skills gained better acceptance among adult learners, as it boosts their confidence in learning, accelerates the non-native adults' speaking skills and excellent results are attained. The language instructors of higher education institutions are recommended to adopt and apply the informal learning approach to improve and enhance the performance of non-native adult learners in their lifelong education programme.

Keywords: *Informal speaking skill, non-native adults, continuous education, Proficiency Malay language course, action research*

PENGENALAN

Berdasarkan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, semua pelajar asing di institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia diwajibkan mempelajari kursus Bahasa Malaysia sebagai syarat pengijazahan. Bagi memenuhi kehendak dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kebanyakan institusi pendidikan tinggi telah membina sukatan Kursus Bahasa Malaysia masing-masing yang bersesuaian dan menjurus kepada skop penggunaan bahasa Malaysia dalam kehidupan harian. Pada umumnya, kursus tersebut dilangsungkan secara formal dan lebih berpusatkan guru bahasa. Namun, peningkatan dalam kemasukan golongan tenaga profesional asing dan orang awam asing ke negara Malaysia turut membuka jalan untuk mereka mengikuti kursus bahasa Malaysia bagi kegunaan kerja harian, di tempat kerja dan urusan rasmi. Tetapi, setiap individu dewasa asing yang kebanyakannya terdiri daripada golongan korporat, pegawai diplomat, suri rumah, pelajar pertukaran dan lain-lain tampil untuk belajar bahasa Malaysia atas kerelaan diri sendiri serta mempunyai keperluan dan jangkaan yang berbeza berdasarkan latar belakang pekerjaan masing-masing. Disebabkan keinginan untuk menggunakan bahasa Malaysia yang telah dipelajari itu dengan serta-merta, maka kursus bahasa Malaysia yang dibina perlulah menepati kehendak dan jangkaan golongan asing dewasa ini. Oleh itu, kemahiran-kemahiran bahasa yang dirancang dalam kandungan kursus bahasa Malaysia perlulah lebih menjurus kepada budi bicara tenaga pengajar atau secara informal, terutamanya yang melibatkan kemahiran bertutur.

Pendidikan Bahasa Malaysia secara kaedah pembelajaran informal bukanlah sekadar menjadikan penutur asing dewasa tersebut fasih bertutur sepertimana penutur jati di Malaysia. Penekanan diberikan bagi memudahkan penutur asing dewasa mampu memahami Bahasa Malaysia di samping membolehkan mereka mendengar dan memahami ujaran, serta menyampaikan maklumat atau maklum-balas yang ringkas dan sewajarnya. Selain itu, penutur asing dewasa ini juga dapat bertutur dengan mudah dan lancar sewaktu dalam pergaulan sosial di samping dapat menyesuaikan diri secara berkesan dengan masyarakat dan kebudayaan di Malaysia.

Pada dasarnya, kursus bahasa Malaysia yang disusun-atur untuk penutur asing dewasa di institut pendidikan tinggi lebih menerapkan pendidikan formal yang mencakupi matlamat, rancangan pembelajaran / kurikulum, kandungan kursus,

dan penilaian serta pengujian yang telah digubal oleh tenaga pengajar mahir. Tetapi sewaktu perlaksanaanya, pendekatan secara informal lebih dititikberatkan bagi menepati kehendak dan harapan penutur asing dewasa. Pendekatan yang berdasarkan budi-bicara tenaga pengajar ini didapati bersesuaian dengan tahap keupayaan penutur asing dewasa yang berbeza. Selain itu, pendekatan secara informal dalam kemahiran bertutur ini mampu meningkatkan tahap motivasi belajar di kalangan mereka, meningkatkan tahap pencapaian dalam penilaian, mempercepatkan penguasaan kemahiran bertutur yang dianggap penting dalam perkembangan awal mempelajari bahasa asing pada peringkat asas di samping merangsang pembelajaran sepanjang hayat golongan dewasa (Sarah. E. Eaton, 2017).

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pandangan Nunan (2003) yang menekankan penguasaan kemahiran bertutur penting dan mesti didahulukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Bagaimanapun, penutur asing dewasa masih menghadapi beberapa isu atau masalah dalam menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia (Fa'izah, Zamri & Ohamed Amin, 2009).

Pada lazimnya, kemahiran bertutur yang dikendalikan menerusi kursus bahasa Malaysia di kalangan pelajar asing di institusi pendidikan tinggi adalah berdasarkan pendekatan formal atau susunan perancangan pembelajaran yang seragam atau homogen. Tetapi, kemahiran bertutur yang melibatkan penutur asing dewasa terutamanya golongan professional pula mengalami perbezaan yang nyata disebabkan ciri-ciri pembelajaran golongan penutur asing dewasa yang bersifat sendiri dan mahu menggunakan bahasa itu serta-merta secara intraktif.

Menerusi beberapa kajian yang pernah dilakukan, didapati kebanyakan tenaga pengajar yang menguruskan kelas bahasa asing lebih cenderung mengamalkan kemahiran bertutur menerusi aktiviti pertuturan yang dipimpin mengikut kehendak guru bahasa dan lebih berhubung-kait kepada latih-tubi linguistik bahasa yang terdapat dalam kandungan atau konteks pelajaran bahasa semata-mata (Adrian Doff & Craig Thaine, 2015). Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru ini mendedahkan banyak kelemahannya disebabkan kepentingan diberikan kepada pencapaian secara keseluruhan kelas daripada mengambil kira ciri-ciri perbezaan pelajar terutamanya kebolehan dan minat mereka. Kesannya, pelajar menjadi kurang kreatif dan tidak berinisiatif meneroka ilmu-ilmu baharu (Zamri, 2012). Lagipun, pelajar hanya cenderung menghafal kosa kata semata-mata, dan masih amalkan terjemahan langsung daripada bahasa jati masing-masing serta gagal menguasai kecekapan bertutur dalam tempoh masa kursus bahasa yang ditetapkan.

Kelemahan dan kegagalan penutur asing asing berkait rapat dengan kaedah pengajaran yang diamalkan, iaitu menggunakan kaedah konvensional yang berpusatkan guru (Asmah 2003; Fa'izah et al. 2009; Marzalina 2005). Kaedah ini susulan daripada proses pemerinkatan dan pengelompokan yang dilakukan berdasar pada kebolehan penutur asing dewasa sebelum sesi pengajaran dimulakan (Awang 2006). Hakikatnya, penutur asing dewasa belajar di dalam sebuah bilik darjah yang besar dan kebanyakannya terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial dan pendidikan yang berbeza. Secara langsung, keadaan ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang seragam atau homogen kurang sesuai dengan pelajar sasaran malah membawa kesan kepada proses pembelajaran dan penguasaan kemahiran bertutur mereka.

Tambahan pula, penutur asing dewasa juga mempunyai tanggapan bahawa Bahasa Malaysia sememangnya bahasa yang sukar untuk dipelajari sehingga menjadi tidak berminat dan kurang menunjukkan keyakinan, tiada kemahuan, serta motivasi terhadap Bahasa Malaysia (Jyh Wee Sew 2005; Metzger 2009; Pogadev 2005). Dalam situasi ini, Purcell-Gates et al (2002) pula memutuskan bahawa kaedah pengajaran yang menekankan tahap kerjasama antara guru dengan penutur asing dewasa dalam interaksi alam nyata menghasilkan keputusan yang lebih menggalakkan. Proses pembelajaran menjadi lebih mantap sekiranya wujud kerjasama yang utuh antara guru dan golongan penutur asing dewasa. Penutur asing dewasa digalakkan untuk terlibat secara aktif atau berusaha sendiri dalam proses pembelajaran masing-masing.

Konsep pembelajaran sendiri yang mendasari kemahiran bertutur berpandukan kepada pembangunan individu atau lebih dikenali pembelajaran yang berpusatkan pelajar (learner-centred) atau pembelajaran yang dipermudahcara (facilitated learning). Kaedah pembelajaran ini mempengaruhi pencapaian tinggi di kalangan para penutur asing dewasa dalam penilaian kemahiran bertutur. Dalam hal ini, keupayaan penutur asing dewasa mencapai keputusan cemerlang dalam kemahiran bertutur dipengaruhi oleh strategi yang digunakan oleh mereka (Zamri 2004; Zamri, Mohamed Amin dan Nik Mohd Rahimi 2010). Pandangan ini turut disokong oleh Condelli and Wrigley (2002) bahawa kaedah strategi

pengajaran yang melibatkan interaksi secara langsung di dunia sebenar menerusi lawatan, perbualan dengan penutur asli, dan penggunaan sumber asli dalam pelajaran menunjukkan peningkatan terhadap kefasihan bertutur dan kemahiran membaca secara jitu. Goh dan Burns (2012) turut mengakui bahawa kepentingan ilmu bahasa tambahan (extra linguistic) seperti pengetahuan budaya penutur asli memudahkan interaksi aktif di kalangan penutur asing dewasa.

Berdasarkan pada isu-isu perbincangan tersebut, sememangnya nyata bahawa kemahiran bertutur yang dikendalikan di kalangan para penutur asing dewasa lebih menekankan aktiviti yang dipimpin oleh guru bahasa semata-mata. Kemahiran bertutur yang melibatkan penutur asing dewasa lebih berpandukan kepada perancangan yang telah digubal mengikut kehendak guru sahaja. Kaedah ini hanya melambatkan kelancaran proses pertuturan di kalangan penutur asing dewasa yang menunjukkan kecenderungan untuk berkomunikasi dengan penutur asli dengan segera. Lagipun, interaksi aktif secara tidak langsung di kalangan penutur asing dewasa, guru dan dunia luar amat menggalakkan sesi pertuturan dan merangsang proses pencapaian yang tinggi dalam kemahiran bertutur bahasa (Ellis 1994; Oxford 1990).

Pada amnya, penutur asing dewasa mempunyai keinginan dan keperluan yang tinggi untuk mempelajari kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia supaya dapat membantu dan memudahkan mereka berkomunikasi secara berkesan di kalangan masyarakat setempat di samping memenuhi tujuan kelangsungan hidup di negara ini. Tetapi, persoalannya bagaimanakah penutur asing dewasa ini dapat dibantu untuk menambah-baikkan lagi penguasaan kemahiran bertutur secara mudah, cepat dan berkesan. Hal ini ketara kerana penutur asing dewasa yang menghadapi kesukaran bertutur dalam kursus Bahasa Malaysia boleh memberi kesan pada kelancaran dan pencapaian pengajian mereka secara keseluruhannya.

Kaedah pembelajaran bahasa Malaysia secara informal kurang diberi penekanan oleh kebanyakan guru-guru bahasa di institusi pendidikan tinggi disebabkan batasan jangka masa kursus yang singkat dan kemajuan penutur asing dewasa pula berteraskan penilaian akhir kursus semata-mata (Yong Chyn Chye; Siti Saniah; Chan Tze Hwa; Vijayaletchumi S, 2010).

Oleh itu, penyelidik telah mengambil satu pendekatan iaitu menggunakan kaedah pembelajaran bahasa Malaysia secara informal dan berpusatkan pelajar sebagai langkah penyelesaian dan sekaligus melancarkan proses kemahiran bertutur di kalangan penutur asing dewasa. Tambahan pula, pendekatan pembelajaran secara informal mendapati pelajar yang terlibat secara aktif menerusi pelbagai strategi dan aktiviti yang diterapkan secara spontan berjaya mencapai kelancaran bertutur dengan lebih cepat dan mudah menguasai perkataan atau ayat baru, menyemarakkan semangat serta minat belajar bahasa Malaysia dan akhir sekali, memperoleh keputusan yang cemerlang dalam setiap penilaian kemahiran bertutur (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010).

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini untuk mengenalpasti strategi-strategi pembelajaran informal dan berpusatkan pelajar untuk mengajar kemahiran bertutur bahasa Malaysia di kalangan penutur asing dewasa.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kajian tindakan yang lebih berfokus kepada kajian secara kualitatif untuk mengumpul maklumat dan memperoleh keputusan (Carr, W. & Kemmis, S., 1986). Kajian tindakan ini sesuai digunakan untuk mengumpul dan menganalisis secara mendalam keberkesanan penggunaan strategi-strategi pembelajaran secara informal dalam kemahiran bertutur bahasa Malaysia di kalangan penutur asing dewasa di institusi pendidikan tinggi.

Sampel

Kaedah kajian tindakan ini melibatkan seramai 20 orang penutur asing dewasa yang mengikuti kursus Intensif Bahasa Malaysia pada tahap kecekapan dari tempoh Januari 2014 hingga Disember 2016 di institusi pendidikan tinggi. Melalui kajian tindakan ini, guru bahasa mampu membezakan masalah yang timbul di dalam kelas bahasa Melayu dan mencari jalan penyelesaian menerusi pendekatan pembelajaran informal untuk membantu golongan penutur asing dewasa

menguasai kemahiran bertutur secara lancar, meningkatkan minat dan motivasi belajar serta mencapai keputusan yang tinggi dalam penilaian kemahiran bertutur (Watts, 1985).

Instrumen

Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian tindakan untuk mengesan, mengukur dan menilai maklumat yang diperolehi bagi memastikan keberkesanan pendekatan pembelajaran secara informal dalam kemahiran bertutur di kalangan penutur asing dewasa. Kajian yang dijalankan menggunakan temubual secara terbuka, pemerhatian, tinjauan, maklum-balas penutur asing dewasa, prestasi penutur dalam ujian dan penilaian berterusan sebagai teknik mengumpul data dalam penyelidikan. Pengkaji memilih kajian tindakan ini kerana para penutur asing dewasa dan guru-guru terutamanya guru bahasa mampu memeriksa amalan pendidikan mereka sendiri secara sistematik dan penuh teliti, dengan menggunakan teknik-teknik penyelidikan.

Kutipan Data dan Analisis Data

Penyelidikan ini bersifat fleksibel bagi membolehkan penyelidik mengumpul maklumat dan data mengenai strategi-strategi yang digunakan secara spontan/ informal dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Malaysia di kalangan penutur asing dewasa. Data diperolehi secara pemerhatian, lisan dan bertulis daripada responden atau kumpulan fokus yang terlibat menerusi perbualan sosial dengan penutur jati bahasa Malaysia, penglibatan secara langsung dalam acara-acara kebudayaan Melayu, lawatan sambil belajar, menyampaikan pembentangan lisan dan memberi pandangan terhadap isu-isu semasa, main peranan dan lain-lain strategi yang menitikberatkan kemahiran bertutur. Data yang dikumpul adalah mengikut urutan sebelum, semasa dan selepas penglibatan penutur asing dewasa dalam setiap aktiviti pembelajaran secara informal mahupun di kelas atau di luar kelas. Data yang dianalisis membolehkan penyelidik bertindak untuk mengubal, mengubahsuai dan menguji beberapa strategi baru pada setiap rentetan sesi kursus dengan penutur asing dewasa sama ada di dalam bilik atau di luar kelas dalam jangka masa pembelajaran kursus intensif. Kajian tindakan ini diguna-pakai untuk merangsang pembelajaran penutur asing dewasa dengan mewujudkan pelbagai strategi, aktiviti, teknik pembelajaran dan projek-projek yang mencerminkan kepentingan dan keperluan penutur asing dewasa (Hopkins, D. (1993).

DAPATAN KAJIAN

Kelancaran bertutur dalam bahasa Malaysia

Kaedah pembelajaran secara informal menerusi perbualan sosial dan main peranan dengan penutur jati terutamanya golongan awam banyak memberi ruang kepada penutur asing dewasa untuk mengenali sebutan, nada, hafaz, gaya pengucapan dan intonasi yang berbeza malah menggalakkan proses pengulangan ujaran, dan pembetulan serta-merta (Thornbury S, 2005). Situasi ini turut meningkatkan kemahiran berbahasa secara lebih lancar dan rancak di kalangan penutur asing dewasa dengan penutur jati. Dengan ini, penutur asing dewasa dapat menyesuaikan pertuturan mereka mengikut gaya pertuturan penutur jati sama ada secara mendadak maupun mengikut fasa keupayaan tersendiri.

Satu perkara yang lebih nyata adalah penutur asing dewasa yang aktif dalam pertuturannya menerusi pembelajaran secara informal dapat pergiatkan lagi kemahiran mendengar, membaca dan menulis masing-masing dalam bahasa Malaysia (Nunan, David, 1994). Mereka menunjukkan kefasihan melafaz, memahami kandungan petikan yang dibaca dan menulis dengan menggunakan struktur ayat yang betul, ungkapan dan kosa kata yang tepat.

Dapatan kajian juga menunjukkan strategi acara-acara kebudayaan Melayu atau situasi yang berbeza seperti pementasan, nyanyian, permainan, seni budaya dan sebagainya banyak merangsang kemahiran bertutur secara spontan / impromptu terutamanya yang melibatkan main peranan atau temu-bual antara penutur asing dewasa dengan penutur jati (Tuan Jah & Faridah, 2011). Strategi ini sebenarnya mendedahkan kelemahan-kelemahan penutur asing dewasa dari aspek kosa kata, fonetik, struktur dan gaya pengucapan yang disusuli dengan proses pembetulan dan pemulihan bahasa secara serentak (Azani, Azman & Mat Taib, 2012).

Strategi-strategi ini mampu menghidupkan bahasa di kalangan penutur asing dewasa untuk berfikir dalam budaya Melayu, meningkatkan kelancaran bertutur dan yang penting menambah keyakinan diri untuk terus bertutur dalam bahasa Malaysia (Mohd. Anuar, 2003).

Minat, Keyakinan dan Motivasi

Penggunaan strategi pembelajaran teknologi media sosial dalam kemahiran bertutur seperti perbualan telefon, skype, pesanan ringkas, laman sosial dan sebagainya membuktikan penutur asing dewasa mencapai keyakinan tinggi dan mempunyai minat yang mendalam untuk terus bertutur dalam bahasa Malaysia (Siti Saniah, 2012).

Para penutur asing dewasa kebanyakannya terlibat dalam aktiviti sosial seperti perjumpaan di kedai makan, menonton filem Melayu di pawagam, membeli-belah di pasar malam dan sebagainya. Di sini, penutur asing dewasa sememangnya harus bersemuka dengan penutur jati untuk berinteraksi dengan penuh yakin sambil memerhati dan memahami gaya pengucapan yang dituturkan. Tambahan lagi, penutur asing dewasa juga berpeluang memberi pendapat, meluahkan perasaan dan membuat ikhtisar tentang lawatan masing-masing secara lisan (Chamot, Anna Uhl, 1987). Walaupun membuat kesilapan dalam cubaan mereka bertutur, namun penutur asing dewasa masih menunjukkan minat dan keberanian untuk terus mencuba dan meniru pelbagai ujaran atau pengucapan yang berbeza.

Sesi temubual dan perbualan dengan penutur jati juga turut menjadi satu landasan kepada penutur asing dewasa untuk berlatih bertanya, memberi maklum-balas dan mengusulkan cadangan di dalam maupun di luar kelas. Sesi seperti ini bukan sahaja mendorong penutur asing dewasa menyampaikan tindak balas segera malah mampu membezakan gaya pengucapan, sebutan dan gaya bahasa yang wujud dalam bahasa pertuturan dan bahasa rasmi (Krashen, Stephen (1976).

Penglibatan aktif penutur asing dewasa di dalam demonstrasi kesenian, pembentangan dan acara kebudayaan Melayu juga dilihat sebagai satu cara terbaik untuk meningkatkan minat dan mendorong mereka bertutur dengan penutur jati. Di sini, penutur asing dewasa berpeluang untuk mengenali, memahami dan meniru gaya pemikiran masyarakat Melayu dan latar belakang budaya Melayu dengan lebih lanjut. Dengan strategi ini, tahap keyakinan yang tinggi di kalangan penutur asing dewasa mampu mempercepatkan lagi proses pertuturan mereka secara lebih lancar dan tepat sekali (O'Malley, J Michael, 1987).

Melalui strategi-strategi pengajaran yang baharu, didapati para penutur asing dewasa menjadi menjadi lebih berani untuk bertutur. Oleh itu, perubahan yang dilakukan mampu membangkitkan semangat dan keyakinan yang tinggi di kalangan penutur asing dewasa. Malahan, penutur asing dewasa yang bermotivasi tinggi berupaya anjak tahap pencapaian mereka ke tahap kecekapan bertutur yang berikutnya dalam kursus bahasa Malaysia (Oxford, Rebecca & Martha Nyikos, 1989).

Tambahan pula, kepelbagaian yang dilakukan dalam kaedah pengajaran guru bahasa secara informal turut menjadikan proses kemahiran bertutur lebih menarik dan menimbulkan minat belajar bahasa Malaysia di kalangan penutur asing dewasa (Oxford, 1990).

Pencapaian Dalam Penilaian Berterusan

Hasil dapatan utama melalui kemahiran bertutur adalah pencapaian yang tinggi di kalangan penutur asing dewasa. Pencapaian yang tinggi ini melibatkan penilaian berterusan, pengujian dan penilaian akhir kursus di kalangan penutur asing dewasa. Penilaian kemahiran bertutur yang digubal dan diperiksa adalah berunsur interaktif iaitu mengandungi komponen main peranan, perbualan topik tertentu, perbualan umum, merumus iklan atau bahan grafik, memberi pendapat berdasarkan audio-visual, memberi ulasan berdasarkan ungkapan bahasa dan peribahasa dan sebagainya (Rivers, Wilga, 1983).

Memandangkan penilaian interaktif yang sedemikian, para penutur asing didapati menjadi lebih selesa, yakin dan tenang sewaktu diuji. Mereka mampu menyediakan maklum-balas dan jawapan mereka secara lengkap sebelum menjawab soalan-soalan peperiksaan. Jawapan-jawapan penutur asing dewasa ini kerap kali menepati kehendak skema jawapan yang disediakan (Willing, Ken, 1989). Pendekatan pembelajaran secara informal dalam kemahiran bertutur juga dapat mengelakkan para penutur asing dewasa daripada mengamalkan sikap menghafal kosa kata, nahu dan ungkapan dalam bahasa Melayu serta terjemahan langsung daripada bahasa jati masing-masing. Tabiat menghafal ini sememangnya sudah sebatian dengan latar belakang pendidikan awal mereka dan didapati melambatkan proses penguasaan bahasa Malaysia dengan lebih berkesan dan mantap. Oleh itu, menerusi kemahiran bertutur, para penutur asing dewasa berpeluang menggarap dan menjadi lebih peka kepada proses pertuturan atau iterasi (lelaran) yang kerap diulangi, penggunaan semula ungkapan bahasa, pelbagaian wahana dan rangkaian kata, dan sebagainya. Keadaan ini menambah minat di kalangan mereka untuk berbahasa dengan segenap lapisan masyarakat penutur jati di negara ini.

Disebabkan pencapaian yang tinggi dan kepuasan para penutur asing dewasa mengikuti kursus bahasa Malaysia di institusi ini turut menunjukkan peningkatan dalam kadar kemasukan lebih ramai penutur asing dewasa untuk mengikuti kursus bahasa Malaysia di institusi pendidikan tersebut. Pencapaian tinggi dan keseronokan belajar bertutur berjaya menukar persepsi dan minat penutur asing dewasa untuk meneruskan kursus bahasa Malaysia di institusi ini. Lebih ramai penutur asing mula mengikuti kelas-kelas bahasa Malaysia berdasarkan tahap keupayaan masing-masing.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengkaji keberkesanan kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia di kalangan penutur asing dewasa menerusi kaedah pembelajaran secara informal. Apa yang terbukti adalah strategi dan aktiviti kemahiran bertutur yang dirancang mengikut budi-bicara guru bahasa lebih diterima dan diminati oleh golongan penutur asing dewasa. Oleh itu, penyelidik menyarankan para guru bahasa di institusi pendidikan tempatan untuk mengambil inisiatif memperkenalkan kaedah pembelajaran bahasa Malaysia secara informal kerana didapati lebih sesuai, mudah dan bertepatan dengan keperluan dan jangkaan penutur asing dewasa.

Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan kemasukan lebih ramai penutur asing dewasa untuk mengikuti kursus bahasa malah pihak pengurusan institusi juga mampu memperkenalkan bahasa Malaysia sebagai satu bahasa yang mudah, pengolahannya umum dan unik di samping memenuhi keperluan, tanggapan dan harapan penutur asing dewasa yang ingin mempelajari kursus Bahasa Malaysia dalam masa yang singkat di samping mempraktikkan bahasa yang dipelajari itu serta-merta (Alberta Education, 2007, December 20)..

Kaedah pembelajaran Bahasa Malaysia secara informal berupaya menggalakkan lebih banyak penyertaan golongan penutur asing dewasa untuk mengikuti kursus Bahasa Malaysia pada peringkat pembelajaran yang lebih mantap di institusi pendidikan tinggi. Kesan daripada kemahiran bertutur menerusi kaedah pembelajaran secara informal sebenarnya mendorong tenaga pengajar untuk menggunakan pelbagai strategi pembelajaran yang berpengaruh berdasarkan budi-bicara sendiri.

RUJUKAN

- Atiah Hj.Mohd Salleh & Ramlah Muhamad. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Bentong; PTS
- Azani Ismail, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Gema Online Journal Of Language Studies*, 12, 325 – 337.
- Bailey, Kathleen M & David Nunan (eds) (1996). *Voices from the language classroom*. Cambridge: Cambridge University Press
- Carr, W. & Kemmis, S. (1986) *Becoming Critical: education, knowledge and action research*. Lewes: Falmer
- Ehrman, Madeline & Rebecca Oxford (1990). Adult language learning styles and strategies in an intensive training setting *The modern language journal*, 74/3, 311-327
- Fa'izah Abd Manan, Zamri Muhamad, & Mohamed Amin Embi (2009). Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing dalam kalangan Pelajar Luar Negara, Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4 2009 (hlm. 259 – 268)
- Goh, C.C.M. & A. Burns (2012) *Teaching Speaking: A Holistic Approach*. New York: Cambridge University Press.
- Griffiths, C. & Judy M. Parr (2000). Language learning strategies, nationality, Independence and Proficiency. *Independence*, 28, 7-10
- Jyh, W S (2005). *Language and Creativity: The Art of Common Talk: Discourse Studies*. National University of Singapore.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (1982) *the Action Research Planner*. Victoria: Deakin University Press.
- Loga Baskaran. (1990), Pengajaran Kemahiran Bertutur. *Jurnal Dewan Bahasa*, April 34(4). 260 – 264
- Nunan, David (1994). *The learner-centred curriculum*. Cambridge: Cambridge University Press
- Nunan, David (1995). *Learner strategy training in the classroom: A case study*. Unpublished paper.

- Oxford, R L (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House 10
Characteristics of Informal Learning (drsaraheaton.wordpress.com) 19.691314 -101.211655
Rate this: Share this: TwitterFacebookLike this: LikeBe the first to like this post.
- Pogadev. V.A (2005) Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing. Dewan Bahasa.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan Penutur Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu.
Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 3(1), 52 - 62
- Steve Metzger (2009) *Intergrating Children's Literature through the Common Core State Standards*. Random House.
- Thornbury, S. (2005) *How to Teach Speaking*. Harlow: Pearson Education Lt Tuan Jah Tuan Yusof, & Faridah Nazir.
(2011), *Pengajaran Kemahiran Bahas Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia
- Willing, Ken (1988). *Learning styles in adult migrant education*. Sydney: National Centre for English Language Teaching and Research